

TARIKH : 25 OKTOBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 34

Penurunan bukti jihad tangani inflasi berhasil

Penurunan bukti jihad tangani inflasi berhasil

PETALING JAYA: Penurunan kadar inflasi pada September yang mencatatkan 4.5 peratus berbanding 4.7 peratus bulan sebelumnya, membuktikan usaha kerajaan melalui Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi membuahkan hasil.

Felo Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan, Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Madya Dr. Shazida Jan Mohd. Khan berkata, hasil kawalan harga ke atas harangan harian kegunaan isi rumah yang dikawal menampakkan penurunan kadar inflasi walaupun dalam kadar perlahan.

Menurutnya lagi, kesedaran rakyat dalam berbelanja dengan berhema juga secara tidak langsung memberi kesan kepada pasaran dan permintaan di mana sebagai isi rumah mereka mula mengawal perbelanjaan.

Inflasi September lebih rendah

OHAI KAWALAN HARGA!
Berkesan dan berkesan.

PETALING JAYA: Malaya mencatatkan kadar inflasi lebih rendah pada 4.5 peratus September ini berbanding 4.7 peratus bulan sebelumnya.

Kadar inflasi negara bagi tempoh sembilan bulan pertama ialah 3.3 peratus.

Menurut Dr. Shazida Jan Mohd. Khan, Menteri Kewangan, beliau berkata, kerajaan mencatatkan kadar inflasi yang lebih rendah berbanding

yang berbanding 6.4 peratus pada Ogos.

"Sukungan daya pembelian akan, dengan lebih baik, berkesan, kerana data ini telah menunjukkan pengurangan yang lebih perlahan kepada 6.4 peratus pada September berbanding 6.4 peratus pada Ogos.

Ini disebabkan terutamanya oleh program yang dilaksanakan kerajaan termasuk dalam subsektor pertanian, ini membolehkan petani untuk menjualkan hasil mereka dengan harga yang lebih tinggi yang memberi kesan ke 3.7 peratus berbanding

Kelapa, subsektor ini merupakan juga salah satu yang mengalami penurunan dengan 6.3 peratus berbanding 6.5 peratus pada bulan sebelumnya.

"Maka satu-satunya yang mencatatkan penurunan harga ialah ke 1.99 peratus pada Ogos dan 1.99 peratus pada Ogos. Ini menunjukkan bahawa inflasi telah turun ke 1.99 peratus pada Ogos."

**UTUSAN
Malaysia
22 Oktober
2022.**

Jelasnya lagi, hasil pengumuman kerajaan sebelum ini melalui bantuan-bantuan terkini diikuti kesedaran peniaga-peniaga untuk tidak terus menaikkan harga barangan juga mempengaruhi kepada penurunan kadar inflasi berkenaan.

"Walaupun inflasi pada September menurun sedikit (4.5 peratus) sahaja, tetapi saya rasa dengan sedikit ini sebenarnya akan banyak membantu golongan B40 ke bawah," katanya.

Bagaimanapun, Shazida Jan berkata, masih terlalu awal untuk mengatakan penurunan inflasi pada September menunjukkan ekonomi negara sedang bertambah baik memandangkan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan kadar pertumbuhan ekonomi dunia 2023 bersifat sederhana.

"Kalau hendak kata ini menunjukkan ekonomi Malaysia

bertambah baik ada kemungkinan, tetapi terlalu awal untuk kita kata ke arah pemulihan terutamanya dengan keadaan pembubaran Parlimen sekarang.

"Kita kena tunggu sehingga Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) selesai dan saya rasa ini adalah tempoh kritikal," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi dan Kewangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Melaka, Dr. Mohamad Idham Md Razak berkata, penurunan kadar inflasi September menunjukkan perkembangan positif ekonomi negara.

Ulas beliau, ia merupakan petanda awal ke arah pemulihan ekonomi, bagaimanapun perjalanan ke arah perkara tersebut masih jauh ekoran terdapat banyak aspek yang perlu dinilai.